



Peranan Koperasi dalam Meningkatkan Amalan Kelestarian Pekebun Kecil Sawit Persendirian

Industri sawit Malaysia memainkan peranan penting dalam ekonomi negara, menyumbang kepada pengeluaran eksport bernilai RM94.95 bilion dan 2.97% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara pada tahun 2023. Selain itu, sektor ini mencakupi 5.6 juta hektar tanah, dengan hampir 800,000 hektar diusahakan oleh pekebun kecil sawit (PKS) yang merupakan pemain utama dalam pengeluaran minyak sawit negara. Namun begitu, bagi memastikan PKS, terutamanya yang bersifat persendirian dapat mengadaptasi amalan penanaman yang lebih

mampan, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mengambil inisiatif strategik dengan menubuhkan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM).

KPSM ditubuhkan untuk meningkatkan kelestarian PKS persendirian dalam rantaian nilai industri sawit Malaysia. Matlamat utamanya adalah untuk menguatkan kedudukan ekonomi PKS melalui penyatuan mereka dalam satu platform koperasi yang dapat menjalankan penanaman sawit mampan mengikut Amalan Pertanian Baik (GAP) dan penjualan buah tandan segar secara berkelompok terus ke kilang. Sehingga tahun

2023, sebanyak 70 buah KPSM telah ditubuhkan di seluruh negara, melibatkan 24 buah kawasan di Semenanjung, 28 buah di Sabah dan 18 buah di Sarawak.

KPSM memainkan peranan penting dalam meningkatkan amalan pertanian mampan dalam kalangan PKS. Satu daripada inisiatif utama yang dilaksanakan oleh koperasi ini adalah melalui program Kelompok Minyak Sawit Mampan (SPOC). SPOC bertujuan untuk memastikan semua PKS persendirian mematuhi prinsip kemampanan yang ditetapkan dalam pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO). Melalui program ini, PKS diberikan bimbingan mengenai amalan pertanian yang baik untuk memastikan pengeluaran buah tandan segar (BTS) yang berkualiti. Hal ini bukan sahaja membantu meningkatkan kualiti hasil sawit, tetapi juga dapat menyumbang kepada peningkatan pendapatan mereka.

Pada peringkat awal penubuhan, KPSM mendapat sokongan kerajaan dalam bentuk pembiayaan dan infrastruktur. Sebagai contoh, RM13.8 juta diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia ke-11 untuk membangunkan pusat timbang bagi urus

niaga BTS di seluruh negara, manakala modal permulaan RM40,000 telah disalurkan kepada setiap KPSM dan pembiayaan emolumen kepada pengurus KPSM oleh MPOB. Bantuan ini sangat penting untuk memperkukuh kedudukan koperasi dan memperkasakan operasi PKS persendirian.

Keanggotaan KPSM terbuka kepada semua PKS persendirian yang kebiasaannya kurang mendapat sokongan dan bantuan daripada agensi kerajaan lain seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) atau Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan (FELCRA). Melalui penyertaan dalam KPSM, PKS persendirian dapat mengakses peluang perniagaan, bantuan teknikal, serta kemudahan kewangan yang sebelum ini sukar dijangkau. MPOB dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) turut memberikan sokongan kepada KPSM dalam memastikan segala aktiviti koperasi berjalan mengikut peraturan yang ditetapkan.

Pada 19 Mac 2019, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) meluluskan peruntukan sebanyak RM1 juta untuk pelaksanaan Skim Pembiayaan Mudah (SPM) kepada 10 KPSM dengan siling pinjaman sebanyak RM100,000 bagi setiap KPSM. Setahun kemudian, pada 15 September 2020, MOF menaikkan had pinjaman kepada RM200,000 dan pada 20 Mac 2023, had tersebut ditingkatkan lagi kepada RM300,000 setiap KPSM.

Selain itu, pada 17 Mac 2021, YAB Perdana Menteri meluluskan insentif berjumlah RM20 juta di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat

MPOB dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) turut memberikan sokongan kepada KPSM dalam memastikan segala aktiviti koperasi berjalan mengikut peraturan yang ditetapkan.

dan Ekonomi (PEMERKASA) untuk Geran Padanan (SPJ-KPSM), bagi membantu KPSM membeli jentera untuk kegunaan operasi mereka. Program ini yang dilaksanakan oleh MPOB bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pusat timbang sawit, dengan insentif sebanyak 75% daripada harga jentera atau maksimum RM150,000 setiap jentera, bergantung pada nilai yang lebih rendah.

Sejak penubuhannya pada tahun 2011, KPSM telah menerima sebanyak 27 anugerah daripada SKM dan pelbagai jabatan kerajaan atas kejayaan yang dicapai bersama-sama ahlinya. Dari tahun 2012 hingga 2023, KPSM Zon Semenanjung telah berjaya menjual 588,861 tan BTS ahli secara berkelompok terus ke kilang, dengan nilai jualan sebanyak RM361 juta. KPSM Zon Sabah dan Sarawak pula masing-masing telah menjual 644,766 tan BTS (bernilai RM449 juta) dan 736,554 tan BTS (bernilai RM467 juta).

Kepentingan KPSM kepada PKS Persendirian

Antara faedah utama yang diperoleh PKS melalui KPSM termasuklah akses kepada harga yang lebih baik untuk hasil sawit mereka. PKS persendirian sering berhadapan dengan masalah monopoli harga oleh peraih, yang cenderung menawarkan harga yang rendah untuk BTS. Dengan menyertai KPSM, mereka dapat menjual hasil sawit dengan harga yang lebih kompetitif, meningkatkan pendapatan mereka secara langsung.

Selain itu, KPSM menyediakan perkhidmatan sokongan seperti pembelian baja dan racun serangga pada harga yang lebih rendah berbanding dengan pasaran terbuka. Perkhidmatan pengangkutan BTS dari kebun ke pusat timbang juga turut disediakan, terutamanya untuk PKS yang terletak di kawasan pedalaman yang sering menghadapi masalah kos pengangkutan yang tinggi.

Tidak hanya memberikan manfaat kepada PKS, KPSM juga memberikan impak positif kepada komuniti setempat dengan menyediakan peluang pekerjaan di pusat timbang dan ladang sawit. Hal ini memberikan peluang kepada belia tempatan untuk mendapat pekerjaan, sekali gus memperbaiki kualiti hidup mereka.

Menyedari peranan KPSM dalam pengurusan PKS persendirian, Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani menyarankan agar KPSM bersikap lebih proaktif dan turut terlibat dalam memajukan ladang sawit terbiar milik PKS persendirian dan juga mengadakan perbincangan bersama-sama PKS persendirian yang tidak lagi berminat membuat penanaman semula untuk berbuat demikian dengan bantuan kerajaan.



KPSM berfungsi sebagai platform perniagaan yang menghubungkan PKS persendirian dengan kilang sawit, memastikan urusan niaga BTS dilakukan dengan harga yang lebih baik dan berdaya saing. Pada tahun 2023, transaksi melalui KPSM mencatatkan jumlah sebanyak 450,848 tan BTS dengan nilai hampir RM305 juta, sekali gus memberikan impak besar kepada ekonomi PKS persendirian. Selain itu, koperasi ini juga menawarkan kemudahan pembelian input pertanian seperti baja dan racun serangga secara pukal dengan harga yang lebih murah, yang mengurangkan kos pengeluaran PKS persendirian. Di samping itu, kemudahan kredit untuk pembelian baja turut diberikan dengan kos pembelian ditolak daripada nilai jualan BTS di pusat timbang.

Cabaran dalam Pengurusan KPSM

Walaupun KPSM memberikan banyak manfaat kepada PKS persendirian, terdapat beberapa cabaran yang perlu dihadapi. Satu daripada cabaran terbesar ialah ketidakpastian harga pasaran minyak sawit mentah (MSM) yang mempengaruhi harga BTS. Ketika harga MSM turun,

harga yang ditawarkan kepada PKS turut terjejas, seterusnya memberikan kesan kepada keuntungan koperasi dan pendapatan PKS persendirian.

Selain itu, persaingan daripada peraih lain yang menawarkan harga tinggi juga boleh menjejaskan operasi KPSM. Walaupun demikian, persaingan ini tidak semestinya negatif kerana perkara ini memberikan lebih banyak pilihan kepada PKS untuk menjual hasil mereka kepada pembeli yang menawarkan harga terbaik.

KPSM juga perlu memastikan pelibatan aktif daripada ahli untuk meningkatkan hasil jualan BTS. Pendidikan yang jelas mengenai manfaat menjadi ahli, serta pelibatan ahli dalam proses pembuatan keputusan koperasi ialah langkah yang penting untuk memastikan kejayaan operasi KPSM. Penawaran ganjaran seperti cenderahati, rebat dan cabutan bertuah kepada ahli yang menjual BTS kepada KPSM boleh membantu operasi dengan lebih aktif dan berkesan.

Untuk mengatasi cabaran pengurusan dan meningkatkan prestasi koperasi, pihak berkuasa seperti MPOB, SKM, dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) boleh terus

memberikan bimbingan serta latihan praktikal secara langsung oleh pengurus berpengalaman KPSM. Selain itu, KPSM perlu memperkukuh strategi pemasaran dan memperkenalkan insentif kepada ahli untuk memastikan penyertaan aktif mereka dalam urusan niaga dan aktiviti koperasi.

Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) memainkan peranan penting dalam memajukan kelestarian sektor sawit, khususnya dalam kalangan PKS persendirian. Dengan menyediakan platform yang menyatukan PKS, KPSM berjaya memberikan akses kepada peluang pasaran yang lebih baik, bantuan teknikal, serta sokongan kewangan yang penting untuk meningkatkan pendapatan mereka. Inisiatif yang disediakan memudahkan PKS persendirian kepada sumber latihan dan pengetahuan; bantuan dan akses pasaran; dan skim pensijilan. Meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran, peranan KPSM dalam menyokong kelestarian industri sawit negara dan meningkatkan kualiti hidup PKS persendirian sangat besar, dan diharapkan dapat terus berkembang selaras dengan keperluan pasaran global yang semakin menuntut amalan yang lebih mampan dalam industri sawit. 